

**SOALAN NO: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH: 23 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan terhadap syarikat yang terbukti mengamalkan “UNION BUSTING”.**

**PR-1331-L66912**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat sekiranya mengamalkan *Union Busting* adalah melalui peruntukan dibawah Seksyen 8 dan Seksyen 59, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967).

2. Dibawah Seksyen 8 sub seksyen (1) menyatakan bahawa sekiranya terdapat apa-apa perlanggaran Seksyen 4, 5 & 7 APP 1967, pihak yang berkenaan boleh melaporkannya kepada Ketua

Pengarah. Aduan di bawah Seksyen 8 tersebut akan disiasat melalui sesi rundingan damai dan sekiranya tiada penyelesaian dicapai, ianya akan diputuskan oleh Y.B Menteri Sumber Manusia sama ada untuk merujukkan kes tersebut ke Mahkamah Perusahaan atau sebaliknya.

2. Disamping itu, pekerja atau kesatuan sekerja pekerja-pekerja boleh memfailkan tindakan majikan yang tidak adil ini di bawah seksyen 59 APP 1967. Seksyen 59 sub seksyen (1) APP 1967, memberi perlindungan kepada pekerja sekiranya terdapat pelanggaran oleh majikan di bawah seksyen ini. Siasatan akan dijalankan atas aduan tersebut dan dimajukan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk mendapat keizinan mendakwa. Mana-mana majikan yang melanggar peruntukan terhadap seksyen ini, hukuman penjara akan dikenakan tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau kedua-duanya sekali kepada mana-mana orang yang didapati bersalah melanggar peruntukan tersebut.